



GARIS PANDUAN PROGRAM PENGGIATAN BUDAYA MEMBACA

A white speech bubble containing the text "BUDAYA ILMU". The word "BUDAYA" is in a smaller, black, sans-serif font above "ILMU", which is in a larger, bold, black, sans-serif font. A small green triangle points towards the word "ILMU".

GARIS PANDUAN
PELAN TINDAKAN BERSEPADU PROGRAM PENGGIATAN BUDAYA MEMBACA
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Garis Panduan Pelan Tindakan Bersepadu Program Penggiatan Budaya Membaca UiTM ini disediakan bagi tujuan pelaksanaan program budaya membaca dalam kalangan warga UiTM.
- 1.2 Penyediaan Garis Panduan ini adalah berlandaskan kepada Pelan Tindakan Bersepadu Program Penggiatan Budaya Membaca dalam Kalangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia.
- 1.3 Program Read@UiTM telah dijenamakan sebagai Budaya Ilmu.
- 1.4 Garis Panduan ini dibuat susulan daripada keputusan pihak Pengurusan PTAR untuk pelaksanaan secara berterusan aktiviti penggiatan budaya membaca yang telah dimulakan dari tahun 2018 di seluruh kampus cawangan UiTM.
- 1.5 Perpustakaan berperanan sebagai ajen penggerak bagi menyemarakkan lagi kempen membaca di setiap kampus UiTM untuk menyokong aspirasi mewujudkan dekad membaca 2030.
- 1.6 Program Budaya Ilmu diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam dan usaha bersepadu dengan jabatan/Bahagian/Unit lain di dalam UiTM.

2.0 KENYATAAN GARIS PANDUAN

Memastikan program Budaya Ilmu dapat dilaksanakan dengan lebih terancang, sistematik dan berterusan di seluruh kampus cawangan UiTM untuk memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat (*life long learning*) ke arah mewujudkan warga UiTM berbudaya membaca dan cintakan ilmu.

3.0 SKOP

- 3.1 Garis Panduan ini akan diguna pakai oleh semua perpustakaan UiTM untuk mempertingkatkan amalan budaya membaca dalam kalangan warga UiTM yang terdiri dari mahasiswa, pensyarah, staf pentadbiran, dan penyelidik.
- 3.2 Garis panduan ini merangkumi semua aktiviti merancang, menyelaras, memantau, mempromosikan program penggiatan budaya membaca dan pelaporan kepada pihak pemegang taruh.
- 3.3 Garis Panduan ini juga merangkumi semua aktiviti perpustakaan yang berhubung kait dengan pembacaan sebagai usaha untuk memupuk minat terhadap aktiviti penulisan serta penerbitan ilmiah yang berkualiti.

4.0 DEFINISI BUDAYA ILMU

4.1 BUDAYA

Mengajar atau mendidik individu dan masyarakat supaya berbudaya iaitu berfikir secara ilmiah untuk kemajuan fikiran, akal budi, cara berfikir dan berkelakuan.

4.2 ILMU

Merujuk kepada pengetahuan dalam sesuatu perkara dan berusaha mencari nilai agar mempunyai hikmah kepada individu tersebut.

5.0 OBJEKTIF

Garis Panduan Pelaksanaan Program Penggiatan Budaya Membaca bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- 5.1 Memberikan kefahaman dan kesedaran kepada warga perpustakaan untuk melaksanakan aktiviti dan inisiatif di bawah program Budaya Ilmu.
- 5.2 Menjalankan program yang memberi impak tinggi kepada golongan sasar.
- 5.3 Menyelaras pelaksanaan aktiviti program Budaya Ilmu berdasarkan pelan strategi dan inisiatif yang digariskan.
- 5.4 Menilai keberkesanan program penggiatan budaya membaca yang telah dilaksanakan.

6.0 STRATEGI PELAKSANAAN

Sebanyak tujuh (7) strategi berserta dengan inisiatif telah digariskan bagi memastikan hala tuju dan program Budaya Ilmu ini dapat dilaksanakan dengan baik dan terancang di seluruh perpustakaan UiTM. Ia merupakan pemadanan mengikut dokumen Pelan Tindakan Bersepadu Program Penggiatan Budaya Membaca dalam Kalangan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia oleh Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia (2018).

Pelaksanaan Program Budaya Ilmu di Perpustakaan UiTM adalah berdasarkan strategi dan inisiatif di bawah:

STRATEGI 1	Penggubalan Garis Panduan Pelan Tindakan Bersepadu Program Penggiatan Budaya Membaca di IPT
DESKRIPSI STRATEGI	Menggubal garis panduan pelaksanaan program galakan membaca sebagai teras untuk meningkatkan tahap literasi dan memperkasakan pembudayaan ilmu.
INISIATIF	Garis Panduan Program Penggiatan Budaya Membaca

STRATEGI 2	Kajian Budaya Membaca di Peringkat Institut Pengajian Tinggi
DESKRIPSI STRATEGI	Menjalankan kajian membaca di peringkat Shah Alam dan kampus cawangan.
INISIATIF	Kajian Profil Membaca Warga UiTM

STRATEGI 3	Pemerkasaan Program Galakan Membaca IPT
DESKRIPSI STRATEGI	Meningkatkan tahap pembacaan dan penulisan dalam kalangan warga UiTM.
INISIATIF	<p>(i) 1 Staf 1 Buku Sebulan Menggalakkan peminjaman buku oleh staf Perpustakaan UiTM pada setiap bulan dan mengadakan Sesi Book Review di peringkat Jabatan/Bahagian/Perpustakaan masing-masing.</p> <p>(ii) Mobile Library Perpustakaan bergerak di lokasi strategik di sekitar kawasan kampus bagi memudahkan mahasiswa dan staf membuat pinjaman dan pemulangan buku serta mendapatkan khidmat pelanggan perpustakaan.</p>

STRATEGI 4	Pemerkasaan Literasi Maklumat berkonsep 3A (Anywhere, Anytime, Anyone)
DESKRIPSI STRATEGI	Literasi Maklumat berkonsep 3A bagi memastikan semua pengguna dapat memanfaatkan program literasi maklumat secara <i>guided learning</i> yang seragam, terancang dan boleh diukur.
INISIATIF	Membangunkan Modul khas Program Literasi Maklumat yang komprehensif bagi keperluan asas pembelajaran dan penyelidikan.

STRATEGI 5	Pemantapan Aktiviti Pembacaan dan Penulisan
DESKRIPSI STRATEGI	Memantapkan dan mempelbagaikan aktiviti pembacaan dan penulisan yang memberi impak kepada universiti.
INISIATIF	<p>(i) Speed Reading Program Memberi pendedahan untuk mempelajari dan menguasai teknik bacaan pantas untuk diaplikasikan dalam pembelajaran dan pengajaran warga universiti.</p> <p>(ii) Bengkel Penulisan Memperkasakan ilmu melalui pembacaan dan penghasilan penulisan ilmu dalam kalangan warga UiTM</p> <p>(iii) Paper Machine Platfom digital bagi membantu Staf Akademik UiTM dalam penulisan ilmiah yang dapat mempertingkatkan penghasilan jurnal dan bahan penulisan melalui template penulisan yang dibahagikan kepada 4 kluster utama iaitu Sains & Teknologi, Sains Sosial & Kemanusiaan, Perniagaan & Pengurusan dan Sains Kesihatan.</p> <p>(iv) Speaker Corner Menggalakkan warga universiti khususnya mahasiswa mengambil bahagian/ menyertai program pengucapan awam bagi membina keyakinan dan ketrampilan diri serta intelektual melalui penyediaan ruang yang disediakan di perpustakaan.</p>

STRATEGI 6	Kolaborasi dengan penerbit
DESKRIPSI STRATEGI	Menjalankan hubungan kerjasama dan kolaborasi dengan penerbit
INISIATIF	<p>(i) Book Launching Melaksanakan inisiatif kolaborasi di antara perpustakaan dan penerbit dengan mempromosikan judul-judul baharu penerbitan berkualiti untuk bacaan warga universiti.</p> <p>(ii) Meet & Greet Bersama Penulis Mengadakan sesi bersama penulis buku atau diskusi ilmiah bagi mengupas kandungan buku yang dihasilkan oleh penulis di samping menjadikan ia sebagai platfom mempromosikan judul terbaru atau popular di pasaran.</p>

	<p>(iii) Booktalk / Book Review Session</p> <p>Sesi perkongsian ilmu melalui pembacaan buku oleh staf/mahasiswa UiTM yang dijalankan di perpustakaan.</p> <p>(iv) Pesta Buku</p> <p>Mengadakan jualan buku/bahan bacaan di perpustakaan bagi memberi peluang kepada warga universiti untuk memilih dan memperoleh bahan bacaan yang berkualiti serta terkini oleh pihak penerbit/pembekal bahan bacaan.</p>
--	---

STRATEGI 7	Membangun dan memperbanyakkan Infrastruktur
DESKRIPSI STRATEGI	Mewujudkan <i>hot spot</i> di ruang yang strategik untuk kemudahan pembacaan warga universiti.
INISIATIF	<p>Mewujudkan Sudut Iqra' melalui penganjuran pertandingan yang dijalankan di peringkat PTJ/Fakulti/Kolej Pengajian dan sebagainya.</p> <p><i>[Sudut Iqra' adalah ruang yang disediakan atau sudut kosong yang dimanfaatkan sebagai perpustakaan mini yang selesa dan santai bagi tujuan pembacaan].</i></p>

7.0 PENUTUP

Bagi memastikan hala tuju Budaya Ilmu ini dapat dilaksanakan dengan baik, strategi dan komitmen yang tinggi serta berterusan daripada pelbagai pihak merentas PTJ/Jabatan/Bahagian/Kolej Pengajian/Fakulti amat perlu untuk memperkuuhkan dan memperluas program/aktiviti penggiatan pembudayaan membaca di Universiti.

8.0 PENGEMASKINIAN GARIS PANDUAN

Keberkesanan program Budaya Ilmu akan dikaji, dinilai dan diukur sejauh mana keberkesanan program yang telah dilaksanakan mampu merealisasikan hasrat bagi memupuk budaya membaca ke arah kecemerlangan warga UiTM.

Garis panduan ini perlu dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut perubahan objektif jabatan dan keperluan maklumat universiti ke arah mewujudkan warga universiti yang cintakan ilmu.

Disediakan oleh:

Jabatan Perkhidmatan Perpustakaan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
UiTM, Shah Alam

Tahun 2024